

23/05/2003

Perdasama syor forum khusus laksana pakej

PERSATUAN Pedagang Dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) mencadangkan

supaya kerajaan menubuhkan sebuah forum khusus bagi melaksanakan Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata forum khusus itu antara lain perlu dianggotai badan perniagaan yang mewakili pedagang dan pengusaha Bumiputera dari pelbagai sektor.

"Bank yang dipertanggungjawabkan untuk mengagih dana yang diperuntukkan

dalam Pakej Strategi Baru ini juga perlu membabitkan badan ini sebagai rakan mereka dalam melaksanakan tugas pengagihan dana berkenaan.

"Perdasama bersedia menyumbang kepada forum itu," katanya dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, semalam.

Moehamad Izat berkata, penubuhan forum khusus itu bertujuan memastikan pakej bernilai RM7.3 bilion itu dilaksanakan dengan berkesan.

Sambil menyambut baik pengumuman pakej itu, beliau berkata, ia adalah menyeluruh dan mampu mengekang kemelesetan yang mungkin berlaku dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu ketika ini.

"Peruntukkan bernilai RM1 bilion bagi Skim Kredit Mikro adalah satu langkah berhemah bagi menyokong peniaga kecil menangani masalah ceti haram

atau Along

"Sementara peruntukan RM1.2 bilion khusus untuk peniaga Perusahaan Kecil

dan Sederhana (PKS) melalui skim sedia ada seperti Tabung Usahawan Baru juga adalah tepat kerana sektor ini menjadi tulang belakang kepada ekonomi

negara," katanya.

Moehamad Izat berkata, langkah kerajaan menerusi Bank Negara (BNM) memperuntukkan jaminan kredit bernilai kira-kira RM1 bilion kepada PKS bagi mengatasi masalah aliran tunai adalah penting bagi menyelesaikan kemelut kewangan yang dihadapi sektor berkenaan.